

0083

R B280 DEB  
MAHATHIR - PENGELUAR

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA PENGELUAR-PENGELUAR MALAYSIA SUPAYA BELAJAR DARI NEGARA-NEGARA JIRAN YANG LEBIH MAJU DALAM MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN MEREKA BAGI MEMBOLEHKAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA BERSAING DI PASARAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

BELIAU KESAL DENGAN SIKAP PEKILANG-PEKILANG MALAYSIA YANG TERLALU MENGHARAPKAN PERLINDUNGAN DARI KERAJAAN BAGI BARANGAN KELUARAN MEREKA.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN ALAT-GANTI KENDERAAN SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KERAJAAN BOLEH MEMBERIKAN PERLINDUNGAN KEPADA PEKILANG-PEKILANG TEMPATAN, INI CUMA TERHAD KEPADA BARANGAN UNTUK PASARAN TEMPATAN SAHAJA.

JIKA PERLINDUNGAN DEMIKIAN DIBERIKAN UNTUK BARANGAN MALAYSIA YANG BERORIENTASIKAN PASARAN EKSPORT, NEGARA-NEGARA ASING AKAN BERTINDAK DENGAN MENGENAKAN CUKAI YANG TINGGI BAGI MENYEKAT PASARAN KELUARAN DARI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH PERLU DITUMPUKAN KEPADA ASPEK PENGURANGAN KOS KERANA NEGARA YANG TIDAK MENGELUARKAN BAHAN MENTAH SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN JEPUN TELAH BERJAYA MENGELUARKAN BARANGAN YANG BERMUTU DENGAN HARGA YANG BERSAINGAN. -- LAGI

2309MST 06 06 87

0084

R B281 DEB  
MAHATHIR - PENGELUAR 2 KUALA LUMPUR

INI MEMBOLEHKAN MEREKA MERAIH LEBIHAN DAGANGAN YANG BESAR WALAUPUN KETIKA KEMELESETAN EKONOMI, SEDANGKAN PENDAPATAN EKSPORT MALAYSIA YANG BERGANTUNG BESAR KEPADA KELUARAN KOMODITI MENGHADAPI KEMEROSOTAN YANG TERUK, KATANYA.

+SUDAH JELAS MALAYSIA TIDAK BOLEH LAGI BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA BAHAN-BAHAN MENTAH SEPERTI DI MASA LALU. DENGAN SEBAB INILAH KERAJAAN SEKARANG MEMBERI PERHATIAN YANG BERAT TERHADAP INDUSTRI PEMBUATAN+.

BAGAIMANAPUN UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG DIHARAPKAN, KATANYA, PENGELUAR-PENGELUAR TIDAK ADA PILIHAN SELAIN DARIPADA MENGELUARKAN BARANGAN YANG MURAH TETAPI BERMUTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU DUKACITA DENGAN KEJADIAN-KEJADIAN MUNGKIR JANJI ANTARA PENIAGA-PENIAGA MALAYSIA DENGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN ASING MEREKA.

INI, TAMBAH BELIAU, TELAH MEROSAKKAN KREDIBILITI MALAYSIA DI PASARAN ANTARABANGSA YANG DENGAN SENDIRINYA MENYULITKAN LAGI PERTUMBUHAN PERDAGANGAN DAN SECARA LANGSUNG MELEMAHKAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA. -- LAGI

2315MST 06 06 87

0085

R B282 DEB  
MAHATHIR - PENGELUAR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENASIHATI PENIAGA-PENIAGA TEMPATAN SUPAYA SENTIASA BERPEGANG KEPADA PRINSIP +KEJUJURAN SEMEMANGNYA DASAR YANG TERBAIK+.

PERDANA MENTERI MENGALU-ALUKAN LANGKAH PERSATUAN ALAT-GANTI ITU UNTUK MENEROKAI BIDANG PEMBUATAN ALAT-GANTI KENDERAAN.

KATANYA, DENGAN PERTUMBUHAN PASARAN KENDERAAN TEMPATAN YANG BEGITU PESAT INDUSTRI ALAT-GANTI BUATAN MALAYSIA BUKAN SAHAJA AKAN MENDAPAT PASARAN YANG LUMAYAN DALAM NEGERI TETAPI JUGA DI PASARAN LUAR NEGERI. -- BERNAMA

2319MST 06 06 87